

02/03/2002

Garis panduan untuk belajar di luar negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Pendidikan akan menyediakan garis panduan bagi memastikan ibu bapa kepada pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran ke luar negara memahami semua prosedur dan mengetahui institusi yang diiktiraf.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Ambrin Buang, berkata langkah itu selaras dengan keputusan kerajaan untuk mewajibkan setiap pelajar tempatan yang ingin menuntut di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra.

Beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan semua pihak termasuk negara berkaitan bagi memastikan garis panduan itu bersesuaian kerana belum ada peraturan yang jelas sebelum ini.

"Oleh itu, garis panduan ini nanti membolehkan ibu bapa tahu apa yang perlu dilakukan jika mahu menghantar anak belajar ke luar negara. Kita sedang mengambil langkah susulan ke atas pengumuman Perdana Menteri semalam," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Program Biasiswa Tunas Wawasan Tabung Kebajikan Ronald McDonald (RMCC) peringkat kebangsaan 2002, di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah mewajibkan semua pelajar tempatan ke luar negara mendaftar dengan Wisma Putra perlu bagi memastikan mereka yang mendapat pendidikan di luar negara, terutama bagi mendalami ilmu Islam, mempelajarinya di institusi diiktiraf Malaysia atau negeranya.

Sumber Kementerian Pendidikan berkata, kerajaan hanya mempunyai rekod terperinci mengenai pelajar Malaysia tajaannya di luar negara, bukan pelajar yang ke sana secara persendirian.

"Bagi pelajar tajaan kerajaan, penghantaran mereka ke institusi diiktiraf dibuat melalui memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dengan negara terbabit. Mereka juga berdaftar dengan Wisma Putra.

"Bagaimanapun, ada kalangan pelajar yang belajar sendiri atau yang tidak ditaja kerajaan tidak mendaftarkan diri dengan kedutaan Malaysia atau pejabat konsulat di sana," katanya.

Sementara itu, kerajaan negeri memberi jaminan akan mematuhi arahan Perdana Menteri itu, dengan memastikan pelajar mereka yang dihantar ke luar negara, berdaftar dengan Wisma Putra.

DI SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kerajaan negeri itu yang menghantar pelajar ke Timur Tengah, terutama Jordan akan mematuhi arahan terbaru itu dengan mendaftar nama pelajar di Wisma Putra.

Katanya, kerajaan negeri juga akan bertindak tegas dengan menghantar pulang pelajar yang gagal dalam peperiksaan selepas memberi peluang kepada mereka mengambil peperiksaan ulangan.

"Jika masih gagal, pelajar terbabit akan dihantar pulang kerana kerajaan menghantar mereka ke sana untuk belajar dan tidak wajar proses mendapatkan ijazah pertama mengambil masa terlalu panjang," katanya.

DI KOTA KINABALU, Kerajaan Sabah memberi jaminan akan memastikan semua pelajar negeri itu yang pergi melanjutkan pengajian ke luar negara, terutama untuk mendalami ilmu agama, mendaftar dengan Wisma Putra.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Lajim Ukin, berkata pendaftaran itu penting bagi memastikan kolej atau sekolah tempat mereka belajar itu diiktiraf kerajaan, selain untuk mengelak sebarang kerumitan kelak.

"Selain dikehendaki mendaftar dengan kerajaan negeri, setiap pelajar

dari Sabah juga diminta mendaftar atau sekurang-kurangnya memaklumkan kepada Wisma Putra tempat mereka belajar di luar negara.

"Kerajaan negeri akan memastikan perkara ini, sama ada bagi pelajar tajaan kerajaan atau sebaliknya," katanya sambil mengesahkan setakat ini tidak ada pelajar dari negeri itu dikesan melanjutkan pengajian di luar negara secara persendirian atau terbabit dengan kegiatan negatif.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Datuk Awang Sharin Alimin pula berkata, sehingga ini kira-kira 200 pelajar Sabah melanjutkan pelajaran di universiti diiktiraf kerajaan di Mesir, termasuk di Universiti Al-Azhar di Kaherah.

DI JOHOR BAHRU, kerajaan negeri akan menyenaraikan nama institusi di luar negara yang diiktiraf kerajaan sebagai panduan pelajar sebelum mereka melanjutkan pengajian ke luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama negeri, Hamzah Ramli, berkata langkah itu perlu bagi memastikan pelajar tidak silap memilih institusi sebagai tempat pengajian mereka.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri tidak pernah menyekat atau mewujudkan undang-undang terhadap pelajar tempatan untuk meneruskan pengajian di mana-mana institusi pengajian Islam di luar negara.

Katanya, pelajar diberi kebebasan sepenuhnya untuk memilih mana-mana institusi bersesuaian dengan pengajian yang diambil, asalkan mereka tidak menyeleweng daripada matlamat untuk melanjutkan pengajian.

DI KUANTAN, Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak, berkata arahan itu bukan saja dapat memastikan pelajar negara ini memasuki institusi yang diiktiraf, malah memudahkan kerajaan memantau pergerakan pelajar berkenaan.

"Dengan cara itu, kita dapat mengetahui jumlah sebenar pelajar yang menuntut di luar negara, selain memastikan mereka tidak menyeleweng atau terbabit dengan kegiatan tidak baik atau penganas," katanya.

DI IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata langkah mewajibkan pelajar tempatan yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara berdaftar dengan Wisma Putra amat wajar, bagi mengelak implikasi buruk.

"Amat wajar syarat itu dikenakan. Pelajar yang mahu ke luar negara terutama negara yang menjadi sasaran Amerika Syarikat, perlu melaporkan hasrat itu kepada Wisma Putra dan merujuk sama ada sesebuah institusi itu diiktiraf atau tidak.

"Kita tidak mahu apabila mereka balik dengan kelulusan, barulah diketahui bahawa institusi terbabit tidak diiktiraf kerajaan," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan Negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah, pula berkata langkah itu juga akan memudahkan kerajaan membuat perancangan sumber tenaga manusia.

Beliau berkata, selama ini kerajaan tidak mempunyai rekod penghantaran pelajar ke luar negara, di sebabkan hanya pelajar tajaan kerajaan saja mendaftar dengan Wisma Putra.

(END)